

Fahaman berbeza bukan untuk bermusuhan: PM

BM 1 JUN 1986

JITRA, Sabtu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta umat Islam supaya jangan menjadikan perbezaan fahaman dan pendapat sebagai alasan untuk bermusuhan-musuhan sesama sendiri.

Perdana Menteri menegaskan, mereka tidak harus menjadikan perbezaan itu sebagai penghalang untuk mengerjakan ibadat kepada Allah.

"Ada masanya kita bersikap sebagai musuh, tetapi apabila beribadat kepada Tuhan, kita tidak patut menjadikan persefahaman itu sebagai penghalang ibadat kita.

"Dengan melupakan perbezaan itu, ibadat kita akan lebih bermakna dan lebih mudah diterima oleh Allah," katanya ketika berucap di majlis terbuka puasa dan nuzul quran di Masjid Siputeh, dekat sini malam semalam.

Kira-kira 1,000 umat Islam dari kawasan Parlimen Kubang Pasu

menghadiri majlis itu, termasuk Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali, Menteri Besar, Datuk Paduka Haji Osman Aroff dan Ahli Exco Negeri, Haji Hanafi Ramli.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata tidak ada manusia mempunyai pendapat yang sama, malah suami isteri dan dua beradik kembar juga sudah tentu mempunyai pandangan dan pendapat yang berbeza.

Fitnah

"Tetapi, kita tidak mahu fahaman dan fikiran yang berbeza itu menjebarkan persaudaraan dan hubungan baik umat Islam," katanya.

Sempena bulan puasa yang mulia, Perdana Menteri meminta umat Islam menjauhi amalan-amalan yang bertentangan dengan cara hidup orang Islam bagi mengelakkan masyarakat dan negara tidak maju dan tidak mendapat nikmat Allah.

"Perbuatan menabur

fitnah dan tohmah tidak harus dibalas dengan kata-kata kesat atau fitnah yang lebih dahsyat, sebaliknya hendaklah dihadapi dengan tenang untuk mendapatkan sepenuh hikmat puasa," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga meminta umat Islam memperbanyakkan amalan kebajikan dengan membantu dan menolong rakyat yang menderita dan ditimpa kesusahan.

Beliau berharap mereka tidak akan menunggu 'kad jemputan' sebelum memberi derma dan pertolongan bagi meringankan beban anggota masyarakat yang malang, tidak kira sama ada mereka rakyat negara ini atau negara asing.

Katanya, penderitaan yang dialami oleh penduduk di Sudan dan negara-negara Sahel hendaklah dibantu setakat yang terdaya bagi menunjukkan rasa tanggungjawab dan keinsafan sesama umat Islam.